



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>BAHAN DALAM REKABENTUK DALAMAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DID 1183</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>MEI 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (20 Markah)
  - BAHAGIAN B (60 Markah)
  - BAHAGIAN C (20 Markah)
  - i. BAHAGIAN A Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
  - ii. BAHAGIAN B Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
  - iii. BAHAGIAN C Jawab **SATU (1)** soalan **SAHAJA** di dalam Buku Jawapan.
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1 (10 markah)**

Nyatakan sama ada pernyataan-pernyataan yang diberikan berikut adalah **BENAR** atau **SALAH**.

- a) Kayu merupakan bahan semula jadi yang meluas digunakan sebagai bahan dan komponen dalam kerja binaan (kemasan, kerangka bumbung, siling, tiang, pagar dan lain-lain).
- b) Kemasan lantai kayu terdiri daripada kayu jalur, terazo dan parket.
- c) Logam terbahagi kepada dua kumpulan iaitu logam ferus dan bukan ferus.
- d) Sangga dan jongsong besi akan dialirkan keluar secara berasingan pada selangan masa lebih dari 6 jam.
- e) Neoprena merupakan salah satu getah tiruan yang diperbuat daripada kloroprena.
- f) Asfal adalah bersifat lekit sebagai agen pengikat, fizikalnya berada dalam keadaan keras dan beku.
- g) Kaca merupakan bahan binaan yang meluas dalam pembinaan, digunakan sebagai pintu, tingkap, dinding bangunan sama ada dalam bentuk jubin atau blok.
- h) Kaca dipengaruhi oleh ketebalan dan luas permukaan yang terdedah kepada hentaman dan juga jenis kaca yang digunakan.

- i) Sifat plastik adalah mudah mereput dan terlerai secara semulajadi serta memerlukan jangkamasa yang singkat untuk terurai.
- j) Plastik jenis HDPE merupakan bahan plastik yang tidak selamat digunakan kerana ia memberi tindakbalas kimia pada bahan plastik.

(10 markah)

## Soalan 2 (10 markah)

KUMPULAN	NAMA KAYU	KEGUNAAN
<b>GREDA</b> Keras dan Lembut <i>Berat</i>	1)..... 2).....	1)..... 2).....
<b>GREDB</b> Keras dan Sederhana Berat	1)..... 2).....	1)..... 2).....
<b>GREDC</b> Keras dan Ringan	1)..... 2).....	1)..... 2).....

**BAHAGIAN B (60 markah)**

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1 (20 markah)**

Perekat merupakan bahan yang banyak digunakan dalam industri binaan antaranya dalam kerja menampal jubin, mozek, lapisan nipis tutup dinding atau siling (laminates), melekatkan cantuman kayu dan sebagainya.

- 1) Bagaimanakah bahan perekat itu mencapai kekuatan? (4 markah)
  
- 2) Nyatakan **EMPAT (4)** kategori perekat mengikut tahap kelasakannya terhadap persekitaran (8 markah)
  
- 3) Jelaskan **EMPAT (4)** kategori jubin. (8 markah)

**Soalan 2 (20 markah)**

Kaca merupakan salah satu elemen penting pada bangunan. Fungsi kaca selain untuk pencahayaan, ia juga merupakan sebahagian dari nilai estetika sesebuah bangunan.

- 1) Senaraikan **EMPAT (4)** bahan utama yang digunakan dalam pembuatan kaca  
(4 markah)
  
- 2) Berikan **ENAM (6)** jenis kaca  
(6 markah)
  
- 3) Terangkan dengan ringkas **DUA (2)** jenis kaca di bawah:-
  - i) Kaca apung
  - ii) Kaca warna(4 markah)
  
- 4) Nyatakan **ENAM (6)** sifat am kaca  
(6 markah)

**Soalan 3 (20 markah)**

Karpet adalah antara kemasam yang selalu digunakan pada permukaan lantai.

- i) Nyatakan **DEFINISI** karpet.  
(2 markah)
  
- ii) Huraikan secara ringkas jenis karpet tersebut beserta lakaran:
  - a) *Loop pile carpet* (8 markah)
  - b) *Multi level loops* (8 markah)

**BAHAGIAN C (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan.

Jawab SATU (1) soalan SAHAJA di dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1(20 markah)**

Plastik merupakan bahan yang amat meluas digunakan dalam kegunaan harian dan juga bahan yang mudah untuk dikitar semula.

- i) Berikan **DUA (2)** jenis plastik utama. (4 markah)
  
- ii) Nyatakan bahan dan kegunaan **EMPAT (4)** jenis plastik pengerasan terma dan **EMPAT (4)** jenis plastik haba. (16 markah)

**Soalan 2 (20 markah)**

Kemasan seperti karpet dapat menyediakan permukaan dan tekstur fabrik yang lembut, selesa dan mempunyai pelbagai warna serta corak.

- i) Nyatakan **DUA (2)** kaedah pemasangan karpet. (2 markah)
  
- ii) Terangkan kaedah dan teknik pemasangan karpet secara peregangan. (16 markah)
  
- iii) Berikan **DUA (2)** kelebihan menggunakan teknik pemasangan karpet secara peregangan . (2 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

